

UiTM, DBP mahu cipta rekod debat

KUALA LUMPUR - Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dua institusi itu akan bergabung dalam percubaan mencipta rekod baru dunia dengan berdebat selama 100 jam

tanpa henti.

Jika berjaya, percubaan itu akan dimasukkan di dalam *The Guinness World Records* dan *The Malaysia Book of Records* sebagai sesi debat paling lama.

Program yang akan melibatkan lebih 40 penuntut dari ins-

titusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) yang berlangsung selama lima hari empat malam itu akan diadakan di Dewan Seminar DBP bermula 19 Disember ini. Ia akan bermula pukul 10 pagi hari itu dan berakhir pukul 1 petang, 23 Di-

seMBER.

Menurut Koordinator Unit Debat Bahasa Melayu UiTM, Noriza Hussin, para peserta bebas memilih tajuk debat termasuk isu berkaitan ekonomi, sosial dan politik yang tidak keterlaluan.